

D.R. 28/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1997 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 November 1996. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam perenggan 4(c) dan 4(d) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga". Pindaan seksyen 4. Akta 237.
3. Walau apa pun seksyen 7 Akta ibu, elaun bulanan yang dinyatakan dalam pindaan kepada Akta ibu dalam seksyen 2 dan yang kena dibayar hendaklah bermula dari 1 November 1996 atau dari tarikh pelantikan atau pemilihan, mengikut mana-mana yang terkemudian, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, mengikut mana-mana yang berkenaan. Pembayaran elaun walau apa pun seksyen 7.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 4 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan elaun bulanan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya dianggarkan sebanyak RM24,000 setahun. [PN. (U²) 2019.]